

GRADUAN PERLU UBAH MENTALITI



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

LANGKAH Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2016-2020 membuktikan betapa kerajaan memandang serius keperluan melahirkan graduan tempatan yang bercirikan keusahawanan yang unggul. Ia adalah satu dokumen strategik yang bakal meletakkan batu asas yang kukuh dalam membentuk modal insan yang mampu menjana peluang pekerjaan bukan saja untuk diri sendiri tetapi untuk keseluruhan masyarakat yang memerlukannya.

Antara intipati penting pelan tindakan bertempoh lima tahun ini adalah mengandungi pelaksanaan empat inisiatif yang bermatlamat menganjukkan minda bakal graduan daripada menjadi pencari pekerjaan kepada penjana pekerjaan setelah bergraduasi kelak.

Empat inisiatif itu adalah, pelaksanaan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIPEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kokurikulum dan bidang pengajian. Selain itu, pelan ini juga akan melaksanakan rangka kerja penjana pekerjaan, menambah baik ekosistem dan memperkukuhkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan.

Antara sasaran penting pelan ini adalah menyasarkan sebanyak 100 peratus penglibatan pelajar dalam program dan aktiviti keusahawanan di samping sasaran penglibatan 15 peratus pelajar dalam aktiviti perniagaan semasa dalam pengajian dan pencapaian lima peratus graduan menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan menjelang tahun 2020. Sasaran ini diyakini mampu dicapai apabila semua program keusahawanan siswa di bawah kementerian sedia ada bakal diberi nafas baru dan dijenamakan semula sebagai *Siswaprenuer* dan *Siswa in Social Enterprise (SISE)* yang bakal memperkasakan ekosistem keusahawanan di semua IPT di negara kita.



UNIVERSITI hanya menyediakan peluang menimba ilmu serta membuka ruang kepada mahasiswa mengasah bakat dan kemahiran yang diperlukan bagi meneruskan survival kehidupan setelah tamat pengajian kelak. - GAMBAR HIASAN

Hakikatnya pada hari ini mentaliti kebanyakan graduan kita masih ingin kerja makan gaji sama ada dalam sektor awam mahupun swasta iaitu masih mahu menjadi pencari pekerjaan setelah tamat pengajian masing-masing. Bagi kelompok ini bidang keusahawanan masih sesuatu yang janggal, baru dan tidak diminati.

Persepsi ini muncul apabila mereka melihat bidang keusahawanan tidak menjanjikan pendapatan tetap seperti gaji tetap di sektor awam mahupun swasta serta berpandangan ia suatu bidang yang terlalu berisiko tinggi. Selain itu, antara alasan klise yang sering kita dengar, adalah tiada pengalaman, tidak minat untuk berniaga, tiada idea untuk memulakan sesuatu perniagaan serta sukar untuk mendapatkan pinjaman.

Justeru mereka mengambil jalan mudah dengan terus menjadi pencari kerja yang setia sehinggakan sanggup terima apa jua jawatan walaupun tidak setaraf dengan kelayakan serta bergaji rendah asalkan ia suatu pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan tetap dan tidak berisiko. Malah ada yang sanggup menganggur walaupun beberapa tahun sudah bergraduasi hanya kerana menantikan peluang pekerjaan di sektor tertentu.

Realitinya pada hari ini peluang pekerjaan baik di sektor awam mahupun swasta secara relatifnya masih

sedikit dan tidak mencukupi jika dibandingkan dengan bilangan graduan yang dikeluarkan oleh 20 Universiti Awam (UA) dan beratus universiti dan kolej swasta di samping institusi kemahiran lain. Memang sukar untuk pasaran kerja tempatan menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka semua apatah lagi dengan kadar gaji yang setaraf dengan kelayakan masing-masing. Walaupun pahit untuk ditelan tetapi inilah senario sebenar yang sedang kita hadapi sekarang. Dan kita sangat berharap agar graduan kita akan memahami situasi ini dan bertindak secara bijak demi masa depan mereka.

Malah graduan juga perlu ingat bahawa fungsi utama universiti bukanlah untuk menyediakan mahupun mencari peluang pekerjaan kepada pelajar yang bakal menamatkan pengajian. Universiti hanya menyediakan peluang untuk menimba ilmu pengetahuan serta membuka ruang kepada mahasiswa untuk mengasah bakat dan kemahiran yang diperlukan bagi meneruskan survival kehidupan setelah bergraduasi kelak. Justeru masa depan adalah di tangan graduan itu sendiri.

Maka graduan perlu sedar betapa mereka sebenarnya tidak mempunyai banyak pilihan. Justeru antara pilihan yang paling realistik bagi mereka adalah menceburi bidang keusahawanan sekali gus menjadi

graduan yang mampu menjana pekerjaan untuk diri sendiri dan juga boleh menyediakan peluang pekerjaan kepada orang lain.

Ini kerana terlalu banyak ruang disediakan oleh pihak kementerian di IPT selama ini. Ekosistem sedia ada sepatutnya sudah boleh mencapai sasaran pihak kementerian dan ini ditambah pula dengan pelan tindakan terbaru ini yang turut bakal memperkasakan ekosistem itu. Walaupun kita sudah melahirkan ramai graduan yang bergelar usahawan berjaya namun bilangannya masih kurang memberangsangkan kerana mentaliti pelajar itu sendiri.

Penulis percaya walau apapun penambahbaikan yang kita buat serta inisiatif baru yang kita perkenalkan untuk melahirkan graduan penjana pekerjaan, andai pelajar itu sendiri tidak mengubah sikap dan mentaliti masing-masing percayalah semua usaha itu bakal menjadi sia-sia. Kita tidak boleh memaksa mereka menjadi usahawan. Sifat dan minat keusahawanan itu perlu lahir dari diri masing-masing.

Justeru apa yang kita harapkan melalui pelan tindakan ini ialah agar ia mampu memupuk secara serius budaya keusahawanan dalam diri setiap bakal graduan supaya mereka sedar dan berfikiran positif terhadap bidang keusahawanan. Usaha untuk mengubah sikap dan mentaliti pelajar perlu diberi fokus utama dalam pelaksanaan pelan tindakan ini. Pelajar juga perlu diberi pendedahan dan pengalaman *hands on* agar mereka dapat menjivai dan merasai pengalaman sebenar menjadi seorang usahawan.

Akhirnya kita berharap agar bakal graduan akan melihat pelbagai inisiatif baru yang disediakan dalam pelan tindakan ini sebagai satu peluang untuk mengubah sikap dan mentaliti terhadap bidang keusahawanan. Ambillah peluang ini untuk memperkasakan diri dengan segala ilmu keusahawanan yang diperlukan seterusnya berani memulakan perniagaan dengan segera terutamanya ketika masih berada di alam kampus.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.